

KESEDARAN KENDIRI TERHADAP AKTIVITI KOKURIKULUM DAN KEBERKESANANNYA KEPADA REMAJA

Wardatul Aishah Musa

Student Development & Campus Lifestyle
Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Information Technology, Malaysia
wardatulaishah@unikl.edu.my

Nooraini Othman

UTM Perdana School, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Malaysia
khairunnur69@yahoo.com

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai kesedaran sendiri remaja terhadap aktiviti kokurikulum dalam membentuk sahsiah mereka. Selain itu, artikel ini turut membincangkan mengenai teras kokurikulum yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada remaja yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi serta keberkesanan kokurikulum dalam membentuk sahsiah remaja termasuk kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan aktiviti kokurikulum. Artikel ini turut menyentuh mengenai sistem pendidikan negara pada masa kini.

Bidang Kajian: Kesedaran sendiri, kokurikulum, teras kokurikulum, keberkesanan kokurikulum

1. Pengenalan

Aktiviti di luar bilik darjah merupakan aktiviti yang sudah dilazimi oleh remaja sejak bermula alam persekolahan lagi. Aktiviti kokurikulum merupakan salah satu cabang kurikulum yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memberikan ilmu, pembentukan peribadi dan kemahiran kepada remaja.

Keterlibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum juga boleh mendedahkan mereka kepada pembangunan modal insan yang sempurna yang mencakupi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembangunan modal insan yang sempurna akan membentuk sahsiah yang tinggi dalam kalangan remaja.

Walaupun bagaimanapun, mutakhir ini isu berkaitan moral dan sahsiah remaja menjadi antara isu yang penting dan mendapat pelbagai respon dari semua lapisan masyarakat. Peneropongan ke masa hadapan menjadi semakin kritikal, kerana jika tidak peka dan tidak bersiap sedia, berkemungkinan besar generasi kini akan berhadapan dengan kejutan masa depan yang membawa kepada kesan ke atas peribadi, psikologi dan sosiologi (Ismail, 2007).

Sistem pendidikan negara turut berubah mengikut keperluan negara pada masa kini. Penglibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum digalakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejajar dengan falsafah pendidikan Negara untuk melahirkan masyarakat yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelek.

2. Kokurikulum dan Kesedaran Kendiri

Kokurikulum adalah aktiviti-aktiviti yang dilakukan di luar kawasan bilik darjah. Aktiviti kokurikulum ini amat penting dijalankan di sekolah kerana melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum ini remaja dapat bersosial dengan kawan-kawan, membina karakter diri, boleh menambahkan keyakinan diri dalam melakukan sesuatu perkara dan belajar berdikari. Menurut Mok Soon Sang (2009), kokurikulum ialah aktiviti pendidikan yang dirancang dan diperlaksanakan selepas waktu pelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah, berasas dan lanjutan pelajaran sesi persekolahan.

Peraturan-peraturan kokurikulum Kebangsaan di bawah Warta Kerajaan, akta Pendidikan 1995, bertarikh 31.12.1997 menjelaskan kokurikulum itu ialah kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah.

Menurut kamus Dewan (2000), kokurikulum ialah sebahagian daripada kurikulum asas yang melibatkan kegiatan atau aktiviti. Terdapat banyak aktiviti yang melibatkan kokurikulum antaranya ialah projek khidmat masyarakat, internship, penglibatan dalam persatuan, pembentukan organisasi, terlibat dengan sukan dan menghadiri sesuatu program atau pertandingan.

Berdasarkan definisi yang diberikan, penulis dapat merumuskan bahawa kokurikulum ialah setiap aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah dengan pengawasan penyelia atau sebaliknya. Kokurikulum juga bersifat terbuka dan bebas kepada sesiapa sahaja yang ingin terlibat dengan sesuatu aktiviti tersebut. Selain itu, kokurikulum juga adalah pengukuh kepada ilmu dan kemahiran yang telah di ajar di dalam bilik darjah.

Kesedaran sendiri atau *Self awareness* ialah kewujudan diri dan kategori diri (Lawrence, 2003). Kesedaran sendiri yang negatif akan menghalang remaja untuk mencapai matlamatnya dan bertingkah laku dengan tingkah laku yang negatif. Imej yang positif pula akan mempengaruhi perasaan, tingkah laku, dan pemikiran remaja yang akhirnya akan menjadikan mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dalam bertindak secara positif, bertanggungjawab dan sebagainya.

Menurut Abdul Ghani et al (2007) kesedaran sendiri adalah kebolehan mengenalpasti, mengetahui, mengiktiraf emosi dan keupayaan dalam mengawal perasaan bagi pemahaman berkaitan psikologi dalam diri. Tanpa kesedaran sendiri, individu tidak mampu membina makna hasil tindakan dan reaksinya kepada persekitaran.

Kesedaran sendiri remaja terhadap sesuatu perkara membolehkan mereka bereaksi dengan perkara tersebut. Kesedaran sendiri remaja terhadap kokurikulum akan membolehkan mereka bereaksi terhadap kokurikulum dan membolehkan mereka mendapatkan tindak balas dari konsep sendiri tersebut.

Pembangunan holistik dalam diri remaja adalah dituntut seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahukan pelajar-pelajar yang akan dihasilkan bersifat seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan spiritual. Jabatan Pengajian tinggi telah mengenalpasti kursus kokurikulum adalah merupakan alat yang mampu untuk membangunkan kemahiran insaniah pelajar selain daripada ilmu-ilmu yang diperolehi di dalam bilik kuliah.

Inisiatif ini perlu disambut oleh remaja agar matlamat Negara untuk melahirkan remaja yang cekap dan seimbang Berjaya. Kesedaran remaja terhadap kebolehan diri dalam melakukan aktiviti-aktiviti bagi membentuk peribadi mereka harus diteroka dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengenalpasti lapan teras utama kursus-kursus kokurikulum iaitu Teras Sukan, Teras Kebudayaan, Teras Daya Usaha dan Inovasi, Teras Pengucapan Awam, Teras Kesukarelawanan, Teras Khidmat Komuniti, Teras Keusahawanan dan Teras Kepemimpinan. Kerana itu, bermula dari bulan September 2008, Jabatan Pengajian Tinggi telah menyasarkan pelaksanaan kursus Kokurikulum berkredit di semua institusi pengajian tinggi (IPT) seawal sesi pengajian 2010/2011 (Jamaludin et al, 2009). Kursus berkredit ini merupakan kursus yang wajib di ambil oleh setiap pelajar bagi membolehkan mereka bergraduasi.

Lapan teras kokurikulum yang telah dinyatakan adalah seperti di bawah:

1. Teras Sukan

Teras sukan adalah aktiviti kokurikulum yang melibatkan aktiviti sukan dan pergerakan fizikal seperti permainan badminton, bola sepak, ping pong, bola tampar, bola jaring dan sebagainya. Aktiviti sukan ini boleh dinilai dari peringkat kolej sehingga ke peringkat antarabangsa.

2. Teras Kebudayaan

Teras kebudayaan merupakan aktiviti yang melibatk Teras kebudayaan merupakan aktiviti yang boleh memberikan peluang kepada remaja untuk menguasai bidang kemahiran profesional kebudayaan dan kesenian yang akan menjana pembangunan jati diri, perwatakan dan keperibadian. Remaja juga akan lebih memahami masyarakat dan budaya setempat agar sifat hormat menghormati antara satu sama lain dapat di pupuk dan diperkukuhkan di dalam diri mereka.

3. Teras Daya Usaha dan Inovasi

Daya kreativiti dan inovasi masih belum dimasyarakatkan. Justeru, usaha ini harus dipupuk dan disemai dikalangan remaja agar pembudayaan kreativiti dan inovasi ini dapat disegarkan. Sifat untuk hanya menerima sudah tidak relevan pada masa kini dan seharusnya usaha untuk mewujudkan idea-idea yang baru dan berinovasi dipasakkan di dalam diri remaja.

4. Teras Pengucapan Awam

Pengucapan awam adalah satu garapan sains kemanusiaan dan seni bujukan yang diterjemahkan dalam bentuk komunikasi berkesan dan menarik (Jamaludin et al, 2011). Komunikasi yang berkesan penting dalam setiap organisasi agar penyampaian maklumat dapat disampaikan dengan tepat.

5. Teras Kesukarelawanan

Mendidik remaja melakukan sesuatu pekerjaan secara sukarela adalah tidak mudah. Walaubagaimanapun, sekiranya dilatih dengan kerap maka melakukan sesuatu pekerjaan tanpa disuruh akan menjadi lebih mudah. Kesukarelawanan akan menjadikan remaja lebih berani ketika berhadapan dengan masyarakat kerana jiwa kesukarelawanan tanpa mengharapkan upah telah sebatikan dalam diri mereka.

6. Teras Khidmat Komuniti

Khidmat komuniti penting dipupuk dalam diri remaja. Remaja yang biasa melakukan kerja-kerja komuniti akan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat sekitar. Golongan ini juga akan lebih yakin terhadap diri mereka walau dimana jua mereka berada.

7. Teras Keusahawanan

Aktiviti keusahawanan dalam kalangan remaja adalah kurang memberangsangkan. Justeru, KPT telah mengambil langkah untuk memupuk semangat niaga dalam kalangan remaja di institusi pengajian tinggi. Penggubalan modul keusahawanan di IPT adalah untuk menarik minat pelajar untuk mencambahkan minda keusahawanan dalam kalangan remaja kerana sesetengah remaja mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang perniagaan tetapi tidak tahu bagaimana hendak

menyalurkannya. Justeru, dengan adanya teras keusahawanan di IPT membolehkan mereka menggunakan bakat yang ada untuk memperkembangkan lagi kemahiran dalam perniagaan ini.

8. Teras Kepemimpinan

Kepemimpinan perlu ada dalam diri setiap individu. walaubagaimanapun, kebolehan ini masih boleh di semai, di bina dan dimantapkan dengan adanya kursus dan aktiviti yang melibatkan aspek ini di IPT. Menurut KPT terdapat empat subteras utama modul kepemimpinan iaitu Kepemimpinan MPP atau Majlis Perwakilan Pelajar, kepemimpinan fakulti, kepemimpinan kolej kediaman dan kepemimpinan persatuan

Remaja yang mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi mampu untuk menangani ketidakstabilan emosi yang berpunca dari tekanan dengan positif (Abdul Ghani. et al, 2007). Keinginan untuk menjadi orang yang sempurna dalam semua aspek timbul apabila seseorang itu mempunyai kesedaran diri untuk mencapai apa yang diinginkan serta lebih maju ke depan (Azizi et. al, 2012). Begitu juga dengan aspek kokurikulum. Kesedaran diri yang tinggi membolehkan remaja menilai keberkesanan yang diperolehi hasil keterlibatan mereka di dalam aktiviti kokurikulum ini.

3. Sistem pendidikan di Malaysia

Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk Malaysia telah digubal pada tahun 1988 dan disemak semula pada tahun 1996, termaktub dalam visi Kementerian dan Kerajaan yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelektual, kerohanian, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (KPM, 2010).

Pembangunan secara holistik memerlukan penyeimbangan antara akademik dan sahsiah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS adalah satu sistem yang menilai pelajar dari aspek keseluruhan pembangunan pelajar iaitu merangkumi aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI). Sistem ini menekankan penilaian dari sudut akademik dan kokurikulum. Justeru, salah satu komponen yang ada di dalam sistem PBS ini adalah penilaian berasaskan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (Lembaga Peperiksaan, KPM, 2014).

Kementerian juga menetapkan setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform bagi membina bakat dan memupuk minat, di samping membentuk kemahiran kepimpinan. Data yang diperolehi menunjukkan kadar penyertaan dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Di peringkat Pengajian Tinggi, Matapelajaran Pengajian Umum atau (MPU) telah diwajibkan kepada semua IPTS dan IPTA. Antara tujuan MPU ini dijalankan adalah untuk memberi penguasaan dan peluasan kemahiran insaniah dan pengaplikasian kemahiran insaniah kepada remaja. Kokurikulum adalah antara salah satu subjek di dalam MPU dan berada di bawah kelompok U4 iaitu untuk kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal (<http://jpt.mohe.gov.my/>).

Berdasarkan kepada sistem pendidikan negara yang telah melakukan perubahan yang besar kepada aktiviti kokurikulum menjadikan kokurikulum adalah satu perkara yang wajib untuk di ambil berat oleh setiap remaja. Tahap kesedaran remaja terhadap perubahan sistem pendidikan negara harus dicermati dan ditekankan di dalam jadual pembelajaran mereka.

4. Keberkesanan Kokurikulum terhadap remaja

Antara keberkesanan kokurikulum yang boleh dicapai oleh remaja berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan adalah seperti:

1. Berkeyakinan tinggi

Penyepaduan ilmu antara pelajar dengan persekitaran pembelajaran lebih memberi keyakinan dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor kepada pelajar dalam usaha untuk menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan masyarakat dan apabila berhadapan dengan sebarang masalah yang timbul. Ini kerana, setiap aktiviti kokurikulum yang dijalankan memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu dalam menjadikan aktiviti-aktiviti tersebut berjalan dengan lancar.

Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad & Hisham (2009) ke atas 107 orang pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan teknikal, UTHM mendapati bahawa tahap keterampilan pelajar setelah mengikuti matapelajaran kokurikulum adalah tinggi. Tahap keterampilan yang dikaji adalah keterampilan kemahiran komunikasi, keterampilan kemahiran kepimpinan, keterampilan bekerja dalam kumpulan dan keterampilan penampilan diri yang kemas. Kesemua keterampilan ini penting untuk dikuasai oleh remaja sebagai satu bonus kepada diri mereka ketika berada di alam pekerjaan. Selain itu, keterampilan itu juga pasti membantu mereka untuk menjadi remaja yang cemerlang ketika berada di kampus masing-masing. Setiap keterampilan yang telah dikaji turut seiring dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji di dalam kajian ini yang meliputi semua aspek dari sudut pemikiran, emosi dan kecergasan fizikal bagi menghasilkan seorang remaja yang bersifat unggul.

2. Berdaya saing

Keterlibatan remaja dalam aktiviti kokurikulum juga akan menjadikan remaja menguasai pelbagai kemahiran supaya mereka menjadi remaja yang berdaya saing dan boleh menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan dan tekanan yang diberikan. Remaja yang memiliki keterampilan yang baik dapat menyesuaikan diri dengan sebarang persekitaran walau dalam apa jua keadaan sekalipun.

Bidang perguruan turut memerlukan guru-guru yang mempunyai jiwa yang kental dan berketerampilan dalam semua aspek. Cabaran dalam mendidik dan mengajar adalah tinggi seiring dengan tuntutan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan pihak ibu bapa. Oleh hal yang demikian, kajian yang telah dijalankan oleh Petro Marais (2011) mengesahkan bahawa pelajar-pelajar atau remaja-remaja yang bercita-cita untuk menjadi guru sebagai kareer di masa akan datang perlu terlibat aktif dengan aktiviti kokurikulum. Kajian ini dijalankan ke atas 51 orang pelajar tahun empat dalam bidang perguruan di UNISA, Republic of South Africa. Antara dapatan kajian ini lagi ialah, aktiviti kokurikulum boleh menyumbang kepada pembentukan pelajar secara holistik, aktiviti kokurikulum boleh merangsang deria pelajar mengikut perkembangan mereka, aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan kepercayaan diri dan kepercayaan sendiri serta merasakan diri mereka bernilai. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti kokurikulum dapat membantu pelajar untuk membina kemahiran diri serta dapat memberikan tenaga yang positif, membentuk remaja untuk tidak mudah berputus asa serta boleh mengelakkan pelajar dari terjerumus dalam keruntuhan moral.

3. Berbakat dan berkemahiran insaniah

Kokurikulum merupakan satu platform yang boleh membentuk remaja, mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka. Pernyataan ini disokong oleh Chin Pek Lian, Low Li Chuen & Vivian Low

Yen Yeong (2005) yang mengatakan kokurikulum dapat memberikan banyak manfaat dan kepentingan kepada pelajar.

Siti Rahayah (2004) menyatakan terdapat korelasi yang kukuh antara verbal-linguistik dan intrapersonal menunjukkan individu yang berkebolehan dalam penguasaan bahasa dan penyampaian idea mampu berfikir secara rasional, melihat ke dalam diri dan menganalisis diri sendiri. Dapatan ini menunjukkan, individu yang menguasai kemahiran insaniah akan membolehkan mereka mengawal diri mereka dari melakukan perkara-perkara yang tidak memberi manfaat kepada diri mereka seperti menjadi pelajar yang nakal sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Azizi (2010).

4. Cemerlang dalam pembelajaran

Aspek kokurikulum atau pembelajaran di luar kelas penting untuk membina pembangunan diri secara holistik. Beberapa penyelidik telah mendapati terdapatnya korelasi yang positif antara aktiviti kokurikulum dengan kecemerlangan pembelajaran (Hanks & Eckland, 1976).

Ini bertepatan dengan saranan yang telah dinyatakan oleh Siti Rahayah (2004) yang mencadangkan agar elemen kecerdasan pelbagai perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan di institusi pengajian tinggi seterusnya merangka satu pentaksiran kecerdasan yang tidak hanya mentaksir IQ sahaja. Selain itu, Siti Rahayah (2004) juga mencadangkan agar adanya satu kajian menyeluruh dan mendalam bagi membolehkan kecerdasan yang dipinggirkan selama ini dalam sistem pentaksiran dikembangkan supaya dapat melahirkan manusia yang berpotensi secara menyeluruh sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan aspek kognitif, afektif dan psikomotor remaja yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum bagi melahirkan remaja yang mempunyai sahsiah yang tinggi.

Azizi (2010) dalam kajiannya untuk mengenalpasti jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi pelajar dan hubungannya dengan pencapaian dan tingkah laku kenakalan pelajar mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar iaitu pada nilai 0.163 dan aras signifikan 0.002. Analisis kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan pelajar

5. Kesimpulan

Penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap aktiviti kokurikulum menjadikan aktiviti kokurikulum ini sebaris dengan keperluan pendidikan masa kini. Keterlibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum mampu memberi impak positif kepada pembentukan peribadi mereka telah dibuktikan dengan jelas berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Justeru, kesedaran diri yang tinggi terhadap aktiviti kokurikulum mampu mengubah persepsi remaja terhadap aktiviti kokurikulum dalam membantu membentuk sahsiah mereka.

Rujukan

Abd Ghani et al. 2007. Humor dalam pengajaran. PTS Profesional Publication.

Azizi, et al. 2010. Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar. Retrived 19.08.2013 daripada http://eptints.utm.my/2265/1/AziziYahaya_Kecerdasan_Emosi_dan_Hubungan_Pencapaian.pdf

- Azizi et al. 2012. *Penyelewengan tingkah laku remaja: Punca dan rawatan*. UTM Press. UTM Malaysia
- Ahmad Esa & Hisham Jamaludin. 2009. Peranan Kokurikulum di Universiti dalam Membantu Keterampilan Mahasiswa. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09), 23-25 November 2009, Kuala Lumpur*
- Hanks, M., & Eckland, B. (1976). Athletics and social participation in the educational attainment in the educational attainment process. *Sociology of education, 49*, 271-294
- Ismail Abas. 2007. *Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Cabaran Wawasan 2020*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam, Selangor, Jilid 10.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2000. Kuala Lumpur. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. 2009. *Pengurusan kokurikulum & Pendidikan Sukan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Petro Marais. 2011. The significance of Student Teachers' Involvement in Co-curricular Activities. *International Journal For e-Learning Security (ijeLS), Vol 1. Issues 3/4*. September/December 2011.
- Siti Rahayah Arifin, T. Subhan Mohd Meerah, Norasmah Othman & Ibrahim Mohamed Zin. 2004. Analisis Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences) Di kalangan pensyarah di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Jurnal Teknologi, 41* € Dis.2004 : 33-42. Universiti Teknologi Malaysia
- Chin Pek Lian, Low Li Chuen dan Vivian Low Yen Yeong (2005). "Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan Dan Penyelesaian." Skudai : UTM
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. 2009. *Pembangunan Pelajar : Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2000. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Kamal Hasan. 1987. Peranan Akhlak dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil 8:3
- Shaikh Mohd Saifuddin sheikh Mohd Salleh & Wan Roslili Abdul Majid. 2001. *Belia dan Masyarakat*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur.
- Abraham, R. (1999). Emotional dissonance in organizations: conceptualizing the roles of self-esteem and job-induced tension, *Leadership & Organization Development Journal*, 20(1), 18-25.
- Bloisi, W., & Hoel, H. (2008). Abusive work practices and bullying among chefs: A review of the literature. *International Journal of Hospitality Management, 27*, 649-656.
- Bubany, S. T., Krieshok, T. S., Black, M. D., & McKay, R. A. (2008). College students' perspectives on their career decision making. *Journal of Career Assessment, 16*(2), 177-197.

Abraham, R. (1999). Emotional dissonance in organizations: conceptualizing the roles of self-esteem and job-induced tension, *Leadership & Organization Development Journal*, 20(1), 18-25.

Bloisi, W., & Hoel, H. (2008). Abusive work practices and bullying among chefs: A review of the literature. *International Journal of Hospitality Management*, 27, 649-656.

Bubany, S. T., Krieshok, T. S., Black, M. D., & McKay, R. A. (2008). College students' perspectives on their career decision making. *Journal of Career Assessment*, 16(2), 177-197.